



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

24 April 2015 /5 Rejab 1436

Islam Agama Yang Membawa Penyelesaian

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا وَقَضَىٰ بِمَا يُرِيدُ حِكْمَةً
وَ حُكْمًا، أَنْعَمَ بِالنَّعَمِ ابْتِلَاءً وَامْتِحَانًا، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَ خَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ أَفْضَلُ الْأَنْبَاءِ وَ مَصْبَاحُ الظَّلَامِ، اللَّهُمَّ
صَلِّ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَ عَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا
كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ حَيْثُ مَا كُنْتُمْ، فَإِنَّ اللَّهَ
يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَ عِلَانِيَتَكُمْ

Saudara-saudara sidang Jumaat yang dirahmati Allah,
Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah dengan
sebenar-benar takwa. Ayuh! Kita tinggalkan segala yang
dilarang Allah, dan berusaha bersungguh-sungguh untuk
melaksanakan perintah-perintahNya.

Saudara,

Islam adalah agama yang penuh dengan rahmah dan
keindahan. Kedatangan Islam membawa cahaya yang

menerangi kehidupan umat manusia. Firman Allah di dalam Surah al-Baqarah ayat 257:

اللَّهُ وَلِيُّ الَّذِينَ ءَامَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ
وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَوْلِيَآؤُهُمُ الطَّاغُوتُ يُخْرِجُونَهُم مِّنَ النُّورِ إِلَى
الظُّلُمَاتِ أُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Yang bermaksud: “Allah adalah Pelindung orang-orang yang beriman; Dia mengeluarkan mereka dari kegelapan kepada cahaya. Sedangkan orang-orang yang berlaku kufur pula, pelindung-pelindung mereka ialah syaitan, yang mengeluarkan mereka dari cahaya kepada kegelapan. Mereka itu adalah penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya.”

Keindahan dan rahmahnya Islam ini dapat kita saksikan pada kebijaksanaan Rasulullah dalam mencari huraian kepada isu-isu semasa yang dihadapi masyarakat. Tindakan bijaksana Baginda menunjukkan betapa risalah yang dibawanya adalah risalah yang membawa kelegaan kepada kesulitan. Risalah yang menyinarakan cahaya kepada kegelapan.

Semasa Rasulullah sampai di Madinah dalam peristiwa hijrah, terdapat keperluan untuk mengatur semula struktur perdagangan yang sedia ada. Satu-satunya pasar yang ada di Madinah telah sekian lama dikuasai para peniaga Yahudi, yang banyak aspek amalan perniagaan mereka tidak beretika.

Rasulullah menyadari betapa pentingnya meletakkan batu asas yang kukuh bagi pembangunan ekonomi untuk kestabilan Madinah ketika itu. Bagaimana Rasulullah menangani isu ini?

Boleh sahaja Baginda mengambil jalan pintas dengan menghentikan monopoli para pedagang Yahudi di pasar Madinah itu, dan menggantikan mereka dengan peniaga-peniaga Muslim. Akan tetapi, Rasulullah sebaliknya mewujudkan satu lagi pasar baru berdekatan Masjid untuk kaum muslimin sebagai saingan sihat untuk mengatasi penguasaan peniaga-peniaga Yahudi.

Jika kita perhatikan, saudara, Rasulullah tidak menawarkan penyelesaian dalam bentuk menentukan siapakah golongan yang paling berhak menguasai pasar. Kerana bukan itu isunya. Rasulullah tidak terus mengusir para peniaga Yahudi dari pasar yang ada dengan alasan mereka menjalankan perniagaan secara tidak berakhlak. Kebijaksanaan Rasulullah merumuskan bahawa permasalahan pokok bukan untuk menyerahkan pasar yang ada kepada golongan Ansar sebagai keistimewaan, semata-mata kerana mereka orang asal tempatan dan kerana mereka beragama Islam. Tetapi bagi sebuah masyarakat yang baru hendak dibangunkan, kekuatan azam dan kesungguhan untuk membina keupayaan adalah paling utama. Tanpa kekuatan tekad, tanpa kesungguhan untuk membangunkan keupayaan, tanpa keinginan untuk bersaing secara sihat, tanpa kemahiran berniaga yang ditimba dari pengalaman, walaupun

pasar dan peluang-peluang perniagaan dihadihkan kepada orang-orang Ansar secara percuma sekalipun, mereka tidak akan mampu untuk menguasai pasaran untuk jangka masa panjang. Demikian kebijaksanaan Rasulullah. Huraian yang difikirkan bukan bersifat spontan dan reaktif, tetapi langkah yang diambil ternyata berjaya membangunkan kekuatan masyarakat dan mengukuhkan Madinah.

Ayuh, saudara, kita timba kebijaksanaan Rasulullah di dalam menangani sesuatu isu. Langkah pertama ialah mengenalpasti masalah pokok. Kita perlu mampu membezakan yang manakah isu sebenar, dan yang mana bukan. Jika tidak, kita akan hanya menghabiskan masa, sumber dan tenaga untuk sesuatu yang sebenarnya tidak perlu diperbesarkan. Masalah-masalah khilaf yang diperselisihkan ulama, sebagai contoh, tidak wajar menghambat langkah kita untuk bersama bergerak ke hadapan. Perkara-perkara khilafiyah bukan isu pokok.

Setelah mengenalpasti isu yang sebenar, langkah seterusnya ialah mengenalpasti punca masalah. Ia satu proses yang penting bagi membolehkan kita mencari huraian terbaik dalam langkah selanjutnya. Namun kita perlu juga berhati-hati, jangan hanya sibuk mencari punca masalah lalu tersangkut sekadar itu. Akhirnya, kita hanya terus sibuk saling salah menyalahkan antara satu dengan yang lain. Hati menjadi sakit. Perasaan saling membenci menyesakkan dada. Fikiran kocar-kacir. Sedangkan huraian kepada isu sebenar tidak juga tercapai.

Saudara-saudara sidang Jumaat yang dirahmati Allah,
Mari kita lihat satu isu yang pernah kita hadapi dan kita berjaya mencari huraian berkesan dalam mengatasinya. Semasa skim dana pembinaan masjid mula dijalankan, dengan Masjid Muhajirin sebagai yang pertama dibina pada tahun 1977, terdapat segelintir anggota masyarakat yang menimbulkan persoalan fiqh. Mereka mempersoalkan sama ada masjid-masjid yang kita bina di bawah skim ini sah statusnya sebagai masjid. Menurut mereka, masjid-masjid yang kita bina ini adalah di atas tanah yang dipajak untuk tempoh 99 tahun, sedangkan syarat bagi sebuah masjid ialah ia mesti diwakafkan untuk selama-lamanya.

Memang benar, saudara, ramai ulama fiqh berpendapat bahawa wakaf yang kekal adalah syarat sah sebuah masjid. Tetapi bayangkan, saudara, sekiranya kita membiarkan diri kita terus terperangkap dalam perbahasan hukum seperti itu, tentu kita tidak mampu menyelesaikan isu sebenar yang dihadapi, iaitu keperluan membina dan memiliki masjid, dengan keterbatasan-keterbatasan yang ada. Jika para ulama dan para pemimpin masyarakat kita pada waktu itu tidak bersatu hati, dan tidak mengambil sikap mengenalpasti isu sebenar dan mencari huraian kepada masalah, sudah tentu langkah kita untuk mempunyai masjid akan terbantut.

Jika kita perhatikan lebih lanjut, saudara, keupayaan kita membina masjid-masjid di bawah skim dana pembinaan masjid ini di atas tanah yang dipajakan untuk tempoh 99 tahun, sudah merupakan satu anjakan ke hadapan yang sangat besar. Bermula pada tahun-tahun lima puluhan, jumlah tanah-tanah yang diwakafkan secara kekal untuk dibina masjid berkurangan dengan banyak sekali. Antara sebabnya ialah harga tanah yang melambung tinggi dan berkurangnya hartawan-hartawan Muslim yang mewakafkan tanah mereka untuk masjid. Namun masyarakat memerlukan kepada masjid-masjid baru untuk memenuhi keperluan keagamaan yang amat mendesak pada waktu itu. Justeru itu, terbinalah masjid-masjid di atas tanah sewa bersifat sementara, yang diistilahkan sebagai *Temporary Occupation Licence*, atau TOL. Ia satu keadaan yang tidak ideal. Namun huraian perlu diusahakan, dengan mengambil kira keterbatasan yang ada. Sekali lagi, jika persoalan hukum sama ada sah atau tidak status masjid sedemikian menjadi isu pokok, bagaimana agaknya kesan kepada pembangunan kehidupan beragama pada waktu itu, dan apa pula kesan jangka panjangnya kepada kita pada hari ini?

Alhamdulillah. Allah telah menganugerahkan kita, sebagai sebuah masyarakat, kesungguhan, kesatuan serta keupayaan untuk mencari huraian kepada isu yang dihadapi bersama. Dari tanah-tanah sewa TOL yang bersifat sementara, kita kini mampu bersama membina masjid-masjid di atas tanah pajakan 99 tahun pula. Daripada bangunan-bangunan masjid yang

sangat sederhana akibat saiz tanah sewa yang kecil, kita kini memiliki masjid-masjid yang jauh lebih besar, selesa dan lengkap dengan segala kemudahan yang diperlukan untuk pembangunan kehidupan beragama kita. Alhamdulillah.

Demikianlah iktibar yang perlu kita ambil dari tauladan kepimpinan Rasulullah, dan juga dari pengalaman kita sendiri sebagai sebuah masyarakat. Kita tidak boleh menjangkakan bahawa kehidupan kita ini akan senantiasa mudah tanpa cabaran. Kita perlu berani menghadapi apapun permasalahan dengan penuh keyakinan diri. Kita perlu menjadi umat yang membawa kelegaan, bukan mengusutkan keadaan. Kita perlu menjadi masyarakat yang mahu dan mampu menyelesaikan masalah, bukan menambahkan lagi masalah. Kerana iman yang ada di dada kita seharusnya menjadi cahaya yang menyinari kehidupan, bukan kegelapan yang hanya mengakibatkan kesengsaraan.

Renungkanlah ayat 104 dan 105 Surah Ali Imran yang berikut ini, dan jadikanlah ia pegangan kita bersama:

وَلَتَكُنَّ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾ وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ تَفَرَّقُوا
وَأَخْتَلَفُوا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ وَأُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٥﴾

Yang bermaksud: *“Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang mengajak kepada kebaikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang munkar; merekalah orang-orang yang beruntung. Dan janganlah kamu menyerupai orang-orang yang berpecah-belah dan berselisih sesudah datang keterangan yang jelas kepada mereka. Mereka itulah orang-orang yang mendapat siksa yang berat.”*

Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kepada masyarakat Singapura kesejahteraan dan kemakmuran sentiasa. Amin Ya Rabbal Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.